



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MESYUARAT MEWAKILI ASEAN & MALAYSIA DI *CONFERENCE OF STATES PARTIES TO THE CONVENTION ON THE RIGHTS OF PERSONS WITH DISABILITIES (COSP16) NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT*

14 JUN 2023, Rabu – Setelah hampir 24 jam perjalanan, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tiba di New York, Amerika Syarikat bagi menghadiri 16th Session of the Conference of States Parties to the Convention on the Rights of Persons with Disabilities (COSP16) yang diadakan di United Nations, New York, Amerika Syarikat.

Selaku ketua delegasi Malaysia, YB Menteri telah menyampaikan Kenyataan Negara (*National Statement*) pada hari pertama persidangan tersebut (Selasa, 13 Jun 2023) di Dewan United Nations, New York, Amerika Syarikat. Kenyataan Negara, antara lainya telah menyatakan bahawa **Kementerian sedang dalam usaha menyemak semula serta mengenal pasti jurang yang sedia ada bagi merangka Dasar dan Pelan Tindakan OKU (2016-2022) yang lebih menyeluruh untuk memastikan penyertaan penuh dan sama rata, Orang Kurang Upaya dalam masyarakat.** Di samping itu, YB Menteri juga menyatakan bahawa Kerajaan akan terus komited melindungi hak-hak orang kurang upaya di Malaysia serta memenuhi tanggungjawab di bawah CRPD.

YB Menteri turut telah diberi amanah oleh Sekretariat ASEAN untuk menyatakan Kenyataan bagi pihak ASEAN. Dalam hal ini, **ASEAN komited untuk menghapuskan diskriminasi serta meningkatkan penyertaan Orang Kurang**

Upaya dalam semua aspek kehidupan, sejajar dengan ASEAN Complementarities Roadmap (2021 – 2025) yang menggariskan prinsip keterangkuman bagi memastikan tiada siapa yang ketinggalan.

Pagi ini, YB Menteri akan mengadakan pertemuan dengan NGO SNACKS bagi melihat sendiri program-program yang boleh dibawa balik ke Malaysia berkaitan pembangunan berhubung orang kurang upaya golongan autisme. Selain itu, YB Menteri turut dijangka menyampaikan pendirian negara bagi perkara berkaitan *digital accessibility for persons with disabilities*.

Pada sebelah petang, YB Menteri akan mengadakan *Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Malaysia* - sebuah sesi perjumpaan dan dialog bersama-sama dengan rakyat Malaysia yang menetap di New York.

Sekian, terima kasih.

**PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JUN 2023**